



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP**

**PERHIMPUNAN KORPORAT MPSP
BIL.2 / 2017**

1 NOVEMBER 2017 (RABU)

8.45 PAGI

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Puan Ir Hjh Rosnani Binti Mahmud
Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua – Ketua Jabatan dan Penolong Pengarah
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai - Pegawai Kanan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Jurubahasa Isyarat

Rakan - rakan Media

Seluruh Kakitangan MPSP

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Majlis, Puan Ir Hjh Rosnani, Setiausaha Perbandaran, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Wakil-Wakil Persatuan, Rakan-Rakan Media dan seluruh kakitangan yang hadir pada pagi ini. Izinkan saya mengambil sedikit waktu bekerja tuan-tuan dan puan-puan untuk saya sematkan sedikit kata-kata, amanat dan motivasi pagi untuk kita semua pada hari ini. Semenjak saya menjadi Yang Dipertua MPSP berkuatkuasa pada Julai 2017, saya rasa ini adalah perhimpunan korporat pertama selaku saya seorang YDP MPSP. Terima kasih kepada semua yang telah menyokong dan memberi kerjasama yang padu sepanjang saya menerajui khidmat saya di MPSP ini.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

PERKARA 1: PELAN STRATEGIK SEBERANG PERAI 2018-2022

MPSP sedang merangka pembentukan Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022 yang dijadualkan siap pada Disember 2017. Pelan Strategik ini merupakan dokumen hala tuju strategik dalam tempoh lima (5) tahun dan merupakan satu (1) perancangan atau komitmen MPSP kepada semua *stakeholders* di Seberang Perai dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP.

MPSP akan merangka strategi, program dan aktiviti berdasarkan kepada 10 Keutamaan strategi yang telah dipilih oleh *stakeholders*. 10 Keutamaan adalah:-

- i. Persekutaran Yang Selamat,
- ii. Kemudahan Dan Infrastruktur Yang Berkualiti,
- iii. Gaya Hidup Sihat,
- iv. Pembangunan Hijau dan Persekutaran Bersih,
- v. Penerapan Teknologi Baru,
- vi. Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing,
- vii. Memperkuuhkan Budaya Dan Warisan,

- viii. Bandar Yang Berdaya Tahan Dan Berdaya Huni,
- ix. Keterlibatan Komuniti dan
- x. Pembangunan Bandar Yang Inklusif dan Saksama.

Adalah diharapkan pembentukan Pelan Strategik ini dapat mempertingkatkan lagi tahap perkhidmatan kita iaitu dari segi perbandaran, perancangan, pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti di Seberang Perai.

Atas inisiatif untuk menggerakkan MPSP selari dengan perkembangan global serta tuntutan untuk mewujudkan komuniti yang mampan, pelbagai program akan dirancang di dalam Keutamaan Strategi Tahun 2018 serta Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022. Pada tahun 2016, kadar kitar semula bagi keseluruhan Seberang Perai adalah 42% yang mana telah berjaya ditingkatkan daripada 39% pada tahun 2015. Bagi mencapai hasrat MPSP untuk mencapai Bandar Rendah Karbon yang diimpikan pada tahun 2022, kadar kitar semula perlu dipertingkatkan dari 42% pada tahun 2016 ke 70%.

Angka ini merupakan satu sasaran yang tinggi dan hanya boleh dicapai sekiranya MPSP dan semua warga MPSP bersama-sama berganding bahu mencapai matlamat ini. Saya mengalu-alukan

penglibatan semua warga kerja MPSP untuk menyumbangkan idea dan pendapat supaya MPSP dapat bergerak ke arah yang lebih baik.

PERKARA 2: INKLUSIF

MPSP mensasarkan untuk menjadi sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang Tahun 2022 dan pelbagai usaha telah diketengahkan untuk mencapai Seberang Perai yang “*Resilient, Inklusif, Hijau dan Berdaya Saining*” . Pada pagi yang barakah ini, kita semua dapat melihat satu perubahan baru yang ingin saya katakan sebagai inklusif sosial (social inclusion) dalam penyampaian maklumat dengan menggunakan bahasa isyarat. Ianya telah bermula sejak Majlis Penuh baru-baru ini dan boleh ditonton secara *live*. Sudah tiba masanya untuk kita memantapkan penyampaian maklumat kita tidak hanya tertumpu pada golongan yang sempurna tetapi juga kepada warga Orang Kurang Upaya (OKU).

Oleh sebab itu, MPSP mengambil pendekatan ini dan tidak mengabaikan golongan seperti ini kerana pada saya mereka mempunyai hak yang sama rata dan mereka juga perlu mengetahui apa yang berlaku di MPSP. MPSP mempunyai seramai tiga puluh lapan (38) orang kakitangan OKU. Pada saya, ia satu jumlah yang besar dan pendekatan yang kita lakukan ini akan lebih mendekatkan diri mereka dengan harapan, visi dan misi MPSP.

PERKARA 3: PENANAMAN POKOK

Selain itu, seperti tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, pada 27 Ogos 2017, MPSP telah menjalankan satu usaha besar ke arah “*Green The City*” menerusi penanaman sebanyak 3,002 batang pokok Tecoma di seluruh Seberang Perai yang melibatkan semua Ahli- Ahli Majlis dan staf MPSP. Dengan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas di atas kesungguhan tuan-tuan dan puan-puan mengorbankan sedikit masa tuan-tuan dan puan-puan di hujung minggu dalam melestarikan kehijauan di Seberang Perai dan saya berasa kegembiraan ini perlu dikongsi bersama kerana melalui program ini, MPSP telah tersenarai dalam “*Malaysia Book Of Records*”.

Tahniah buat semua dan saya berharap agar program tanaman pokok ini akan menjadi acara tahunan kita dan saya yakin MPSP Boleh. Setelah penanaman dibuat, saya yakin warga MPSP akan berusaha untuk menjaga pokok-pokok ini dengan baik. Secara tidak langsung, kita akan memperolehi pahala sedekah dengan menyediakan tempat persinggahan burung-burung dan memberikan oksigen kepada manusia untuk bernafas.

PERKARA 4: ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN (AKKP)

MPSP telah dianugerahkan dengan Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (AKKP) pada 10 Julai 2017 yang telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara dalam satu majlis yang telah diadakan bertempat di Dewan Taklimat ICU, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. Anugerah ini telah diperkenalkan atas saranan YBhg. Tan Sri KSU sempena Majlis Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan pada tahun 2012. Projek perintis AAKP telah diadakan pada tahun 2013 dengan tumpuan kepada Kementerian, Jabatan Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Penilaian Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan dijalankan melalui Inspektorat Keselamatan Perlindungan merangkumi aspek-aspek penilaian yang dibahagi kepada empat (4) komponen iaitu komitmen Pengurusan, keselamatan fizikal, keselamatan dokumen dan keselamatan peribadi. Bagi mendapat penarafan lima (5) Bintang, Kementerian / Jabatan / Agensi perlu mendapat markah 95% -100% iaitu objektif setiap kriteria dicapai pada tahap cemerlang, perlaksanaan melebihi standard dan boleh ditanda aras oleh agensi lain.

Semenjak tahun 2012, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia cawangan Negeri Pulau Pinang telah melakukan advokasi dan pra penilaian dengan agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pada tahun 2013, MPSP hanya mendapat penarafan tiga (3) Bintang. Fokus Inspektorat Keselamatan Perlindungan pada tahun 2016 adalah kepada kementerian, Jabatan Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri. Untuk tujuan ini, sebanyak 185 Kementerian dan Jabatan berkenaan telah dipilih untuk menyertai program AKKP ini dan disaring menerusi pemeriksaan Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan yang dijalankan sehingga bulan Disember tahun 2016.

Sehubungan dengan itu, pada bulan Mac 2017, sebanyak 45 buah Kementerian / Jabatan / Agensi telah mendapat pengiktirafan lima (5) bintang - Cemerlang dan seterusnya diperakukan sebagai penerima Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merupakan salah satu agensi yang menerima pengiktirafan ini di samping lapan (8) Pihak Berkuasa Tempatan lain di antaranya:

1. Majlis Perbandaran Alor Gajah
2. Majlis Bandaraya Shah Alam
3. Majlis Perbandaran Subang Jaya

4. Majlis Perbandaran Port Dickson
5. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
6. Majlis Bandaraya Johor Bahru
7. Majlis Daerah Kampar
8. Dewan Bandaraya Kuching Utara

Saya berharap semua warga MPSP dapat menjaga integriti sebagai seorang penjawat awam. Rahsia MPSP tidak boleh didedahkan, apabila kita membuat penguatkuasaan haruslah mengikut Standard Operating Procedurs (SOP).

PERKARA 5: ISO 37001:2016 (ABMS)

Sistem Pengurusan Anti-Suapan / Sogokan (Anti-Bribery) iaitu ISO 37001:2016 (ABMS) diperkenalkan oleh SIRIM pada tahun ini, di mana MPSP telah dijemput menyertai SIRIM dalam projek Skim Pilot bagi pelaksanaan ABMS ini mulai 25 April 2017. Projek ini disertai oleh sebanyak sepuluh (10) organisasi yang terdiri daripada Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Sektor Swasta seperti berikut:

- i. Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
- ii. Bank Rakyat
- iii. Jabatan Imigresen Malaysia
- iv. Jabatan Pengangkutan Jalan
- v. Jabatan Perkhidmatan Awam

- vi. Lembaga Tabung Haji
- vii. Majlis Perbandaran Subang Jaya
- viii. Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang
- ix. Petroleum Nasional Berhad
- x. Top Glove Corporation Berhad

Sistem ini dilaksanakan di MPSP bertujuan untuk memperkasakan pematuhan undang-undang berkaitan suapan / sogokan serta dapat mengurangkan risiko suapan dalam tugas harian pegawai. Manfaat yang boleh diperolehi daripada pelaksanaan sistem ini seperti berikut:

- i. Membudayakan dan meningkatkan integriti kakitangan MPSP dalam pelaksanaan tugas;
- ii. Meningkatkan reputasi MPSP;
- iii. Mengurangkan kos operasi;
- iv. Mengukuhkan prestasi kewangan;
- v. Meningkatkan moral pekerja

Justeru itu, MPSP telah dimaklumkan oleh pihak SIRIM pada 20 Oktober 2017, bahawa MPSP telah berjaya menjadi **organisasi pertama** dipersijilkan dengan Sijil Pengurusan Anti-Suapan / Sogokan dan tarikh persijilan berkuatkuasa pada 20 Oktober 2017 sah hingga 19 Oktober 2020. Sijil ini merupakan persijilan yang ketujuh kepada MPSP di mana MPSP telah memperolehi enam (6) persijilan berteraskan kualiti

sebelum ini. Tahniah dan syabas pada semua yang sama-sama membantu dan menjayakan persijilan ini.

Saya berharap agar tujuh (7) persijilan yang telah dan akan dianugerahkan ini dapat menjadi semangat kepada kita semua untuk bekerja dengan lebih sihat, berintegriti, amanah, sistematik dan berdaya saing.

PERKARA 6: STANDARD ACCOUNTING SYSTEM FOR GOVERNMENT AGENCIES

Sukacita dimaklumkan bahawa, Sistem Perakaunan dan Belanjawan Bersepadu (SPBB) Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mendapat pengiktirafan sijil pematuhan SAGA (*STANDARD ACCOUNTING SYSTEM FOR GOVERNMENT AGENCIES*).

MPSP merupakan Pihak Berkuastra Tempatan yang ke empat (ke-4) di Malaysia yang memperolehi pensijilan SAGA dan merupakan PBT yang pertama di utara semenanjung Malaysia.

PERKARA 7: KUMPULAN INOVASI KREATIF

Sukacita dimaklumkan pasukan KIK MPSP 2017, Kumpulan THO-IAFH e3 yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Kejuruteraan, Perbendaharaan dan Bangunan telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam Konvensyen KIK Peringkat negeri Pulau Pinang

2017 (Kategori Inovasi Sosial). Tajuk KIK 2017 adalah *Anti Theft Sliding Service Door For Lamp Post-A test Door 2.0.*

Pasukan KIK2017 juga turut memenangi Anugerah persembahan terbaik 2017 dan ini merupakan tahun 4 berturut-turut MPSP memenangi anugerah ini. Tahniah dan syabas kepada Cik Nadia Faradila Binti Jalawi selaku Ketua Kumpulan dan semua ahli pasukan beliau.

KESIMPULAN

Ahli-Ahli Majlis, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada tahun 2050, $\frac{2}{3}$ daripada penduduk dunia akan mendiami kawasan bandar kerana bandar adalah pusat pembangunan ekonomi, perdagangan, perindustrian dan seterusnya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. MPSP bersama Think City Sdn. Bhd. sedang giat melaksanakan pelbagai program untuk meremajakan Bandar Butterworth. MPSP juga sedang giat menjalankan kajian bersama dengan Universiti Sains Malaysia, Yokohama City University, City of Yokohama dan Japan International Cooperation Agency (JICA) untuk menarik pengunjung dan penghuni kembali ke Bandar Bukit Mertajam.

Pada tahun 2019, Gedung IKEA yang pertama di Wilayah Utara akan dibuka di Batu Kawan. Banyak lagi pembangunan-pembangunan yang masih di peringkat perbincangan yang akan dilaksanakan di

Seberang Perai, menjadikan Seberang Perai masa depan Pulau Pinang atau “*The Future Of Penang Is In Seberang Perai*”.

Di samping pembangunan di Seberang Perai, MPSP juga berhadapan dengan cabaran seperti banjir kilat, pengurusan sisa pepejal, kesesakan lalulintas dan perubahan cuaca.

Peluang dan cabaran yang dihadapi ini memerlukan perubahan paradigma dan cara bekerja di kalangan pekerja-pekerja MPSP. Saya yakin dengan barisan kepimpinan 24 Ahli Majlis, Puan Setiausaha Perbandaran dan Ketua-ketua Jabatan yang sentiasa turun padang, lima (5) persatuan dalam MPSP, iaitu PESUKA, PERMAI, PUSPANITA, ANULAE dan KOSPEMA yang sentiasa menyokong kita, semua kakitangan MPSP berjumlah 4,928 pekerja dan seluruh rakyat Seberang Perai mampu menghadapi cabaran ini dan dapat melepassi dengan jayanya.

Tugas ini adalah amanah dan tanggungjawab. Tugas ini yang kita lakukan bukan semata-mata untuk mengambil gaji pada hujung bulan tetapi ia juga merupakan ibadah. Walau bagaimana susah atau teruknya sesuatu pekerjaan yang kita lakukan itu, ingatlah bahawa ada habuan yang akan menanti jika tidak didunia, mungkin di akhirat. Sikap kerjasama dan tolong menolong adalah kunci kejayaan sesebuah

organisasi. Kita tidak boleh berjaya seorang diri sekiranya kita tiada sokongan padu daripada orang lain juga.

Sekian, terima kasih.